

# Kem bina semangat Kita Juara 2017 erat hubungan



**Kuala Lumpur:** Atlet pecut kebangsaan di bawah Program Kita Juara 2017 menyifatkan kem berbentuk bina semangat selama empat hari di Gunung Ledang, Johor, berakhir Ahad lalu, mengeratkan hubungan dalam kalangan mereka sebagai persediaan menghadapi Sukan SEA Kuala Lumpur 2017.

Ratu pecut negara, Zaidatul Husniah Zulkifli (gambar) berkata dia dapat mengenali rakan sepasukan dengan lebih rapat selain mewujudkan semangat berpasukan ketika melakukan setiap aktiviti sepanjang kem berkenaan.

Dia berkata, antara aktiviti itu mendaki puncak

Gunung Ledang, aktiviti flying-fox serta pelbagai aktiviti rekreasi lain yang memerlukan kerjasama berpasukan.

“Pendakian Gunung Ledang memang sangat mencabar dari segi mental dan fizikal, namun hasil kerjasama sepasukan, kami akhirnya sampai ke puncak,” katanya semalam.

Antara atlet lain yang turut menyertai kem anjuran Majlis Sukan Negara (MSN), Institut Sukan Negara (ISN) dan Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM) itu ialah pemegang rekod 100 meter kebangsaan, Khairul Hafiz Jantan, Badrul Hisham Abdul Manap dan Nurul Faizah Asma Mazlan. - BERNAMA